

30 AUG 1996

Mahathir - Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI KOTA KINABALU

KOTA KINABALU, 30 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi menghadiri sambutan Hari Kebangsaan ke-39 yang akan berlangsung di Kompleks Sukan Likas, esok.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dari Labuan disambut Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Haji Sukam, para menteri Kabinet negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Khalil Datu Jamalul dan pemimpin negeri.

Perdana Menteri kemudian menaiki helikopter ke Pantai Dalit, Tuaran, kira-kira 40km dari sini untuk merasmikan Pusat Peranginan Rasa Ria, sebuah pusat peranginan mewah berharga AS\$16 juta (kira-kira RM40 juta).

Pusat peranginan itu, yang kira-kira 40 minit perjalanan dengan kenderaan dari ibu negeri, mempunyai 331 bilik di atas tanah seluas 161.8 hektar. Tarikan pusat itu ialah pilihan kemudahan rekreasi yang luas, pantai yang bersih, dan padang golf 18 lubang.

Dari Tuaran, beliau kemudian akan menyertai Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negeri di Sembulan di sini.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan melancarkan kempen "Malaysia boleh, Sabah Boleh" bertujuan memupuk semangat yakin diri di kalangan rakyat, di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas.

Dr Mahathir sekali lagi menyertai Seri Paduka dan Yang Di-Pertua Negeri Tun Sakaran Dandai pada majlis santapan malam negeri di Dewan Bankuasi, bangunan Dewan Undangan Negeri, Likas.

Perdana Menteri dijadualkan melawat dan bermalam di Lembah Danum, sebuah pusat penyelidikan perhutanan dekat Lahad Datu sejurus selepas menghadiri sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 esok.

Beliau akan pulang pada hari Ahad. -- BERNAMA
MOK KG FAZ